

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG**  
**KAWASAN : TEBRAU**  
**TARIKH : 1 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 69**

**SOALAN**

**YB TUAN KHOO SOO SEANG (TEBRAU) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perkembangan terkini perundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dan adakah ia akan menggantikan *Trans-Pacific Partnership* (TPP) untuk memperluaskan pasaran produk-produk usawahan negara kita di peringkat antarabangsa.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kekuatan dan kelebihan RCEP adalah pada potensinya yang amat besar kepada ekosistem dan rantaian ekonomi global. 16 buah negara RCEP merangkumi hampir 50% daripada jumlah populasi dunia dengan gabungan GDP berjumlah US\$22.8 trillion atau 30.7% GDP dunia. Jumlah perdagangan barang global yang dijana oleh negara-negara RCEP juga menghasilkan sejumlah US\$9.6 trillion atau 28.83% daripada jumlah keseluruhan dagangan barang dunia. Justeru, RCEP adalah

merupakan peluang terbaik bagi sektor perniagaan negara untuk memasarkan produk-produk mereka dengan lebih meluas ke negara-negara ahli RCEP dengan lebih mudah dan pada harga yang kompetitif.

2. Dalam ketidaktentuan ekonomi dan politik global pada masa ini, didapati terdapat langkah-langkah *protectionist*, anti-liberalisasi dan anti-globalisasi telah diambil oleh negara-negara maju. Salah satu contoh adalah seperti langkah Amerika Syarikat untuk menarik keluar negara tersebut daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Partnership* – TPP). Perkembangan ini amat membimbangkan memandangkan ianya akan menjaskan sentimen perdagangan dan pelaburan global.

3. Berdasarkan perspektif ini, adalah penting bagi Malaysia sebagai negara pedagang untuk terus terlibat di dalam usaha-usaha liberalisasi ekonomi serantau dan global dalam usaha untuk kekal berdaya saing. RCEP dan TPP merupakan contoh inisiatif-inisiatif utama negara bagi mencapai tujuan tersebut. RCEP dan TPP merupakan dua perjanjian yang berbeza dan tidak berhubung secara langsung di antara satu sama lain. Bagi Malaysia kedua-dua perjanjian ini saling melengkapi dasar perdagangan negara. RCEP juga memberikan penumpuan integrasi ekonomi di Asia Timur dan India manakala TPP memberikan tumpuan kepada pasaran Amerika Utara dan Selatan khususnya Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sebagai makluman, Kementerian saya memainkan peranan yang aktif dalam memberi penerangan kepada orang ramai berkenaan

dengan Perjanjian RCEP melalui program-program kesedaran dan juga seminar kepada komuniti perniagaan. Selain itu juga, Kementerian saya sentiasa berkongsi maklumat terkini mengenai rundingan RCEP dengan Ahli-ahli Parlimen dari masa ke semasa. Akses pasaran dan peraturan perdagangan adalah dua komponen utama yang sedang dibincangkan di bawah agenda RCEP. Sehingga Pusingan Rundingan Ke-18 dan 19 yang lalu, kedua-dua isu ini telah dibincangkan dengan terperinci dan mendalam. Walau bagaimanapun, hasil rundingan masih lagi berada pada tahap sederhana. Untuk akses pasaran, kesemua pihak telah membincangkan isu-isu berkaitan tawaran kedua oleh Negara-negara Ahli RCEP, namun masih terdapat keperluan segera untuk meningkatkan kualiti tawaran masing-masing. Mengenai peraturan perdagangan pula, Negara-negara RCEP masih dalam proses untuk memperdalamkan kefahaman masing-masing mengenai isu-isu utama untuk membolehkan rundingan berdasarkan teks dapat dilaksanakan secepat mungkin.

5. Pada Mesyuarat Khas RCEP Peringkat Menteri bulan Mei yang lalu, Menteri-Menteri RCEP telah mencapai sepakat seperti berikut:

- (i) menyatakan komitmen untuk memperkuatkan usaha memuktamadkan rundingan RCEP dengan segera dan mencapai visi yang terkandung di dalam "*Guiding Principles and Objectives for the RCEP Negotiations*" seperti yang termaktub di dalam mandat oleh Ketua-ketua Negara RCEP (*RCEP Participating Countries – RPCs*); dan
- (ii) menekankan bahawa, walaupun kini rundingan RCEP berada pada tahap kritikal berdasarkan kepada cabaran semasa dan

juga kesukaran dari segi domestik untuk menangani isu-isu perundingan yang masih belum selesai, RPCs disaran untuk menggandakan usaha dengan menterjemahkan komitmen politik masing-masing ke dalam bentuk tindakan agar rundingan RCEP boleh dijayakan serta menggesa RPCs untuk terus terlibat secara positif dan membina dalam rundingan RCEP.

6. Rundingan RCEP hanya berbaki dua pusingan sahaja lagi untuk tahun 2017. Sehingga kini, dua bab rundingan telah berjaya diselesaikan iaitu *Economic and Technical Cooperation and Small and Medium Enterprises (SMEs)*. Menteri-menteri RCEP juga telah bertemu sebanyak 7 kali secara rasmi sejak rundingan diadakan. Namun begitu, masih terdapat keperluan untuk Ketua-ketua Perunding RCEP berunding dalam menyediakan satu set alternatif dalam usaha untuk mengecilkan jurang perbezaan pendapat antara negara dalam isu-isu dasar. Pusingan ke-19 ini juga memberi isyarat bahawa kemajuan secara signifikan sangat diperlukan dalam rundingan akses pasaran dan peraturan. Hasil rundingan RCEP di India akan dilaporkan ke Mesyuarat peringkat Menteri pada bulan September yang akan datang bagi membolehkan Menteri-menteri RCEP membuat penilaian secara kolektif sama ada bolehkah rundingan RCEP dimuktamadkan secara signifikan pada bulan November 2017.

Sekian, terima kasih.